

19 JUL 2000

HONDA-USAHASAMA/I

TIGA PIHAK METERAI MOA UNTUK TUBUH DRB-ORIENTAL-HONDA

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Honda Motor Co Ltd of Japan, DRB-HICOM Bhd dan Oriental Holdings Bhd hari ini menanda tangani memorandum persetujuan (MoA) untuk mengeluarkan dan mengedar alat-alat ganti, aksesori dan komponen-komponen automobil Honda.

Di bawah syarat-syarat MoA itu, mereka akan menubuhkan sebuah entiti baru, DRB-Oriental-Honda Sdn Bhd, yang akan diperbadankan awal tahun depan dengan modal dibenarkan sebanyak RM500 juta (AS\$130 juta).

DRB-HICOM akan memegang 36 peratus di dalam usaha sama itu, Oriental 15 peratus dan Honda 49 peratus.

Usaha sama ini dilihat sebagai peningkatan besar kepada industri automotif Malaysia.

Ia adalah juga sejajar dengan strategi serantau Honda untuk meningkatkan daya saingnya di Malaysia dan Asean bagi menyambut cabaran-cabaran liberalisasi pasaran di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean.

Pada upacara menanda tangani itu yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, DRB-HICOM diwakili oleh pengerusi eksekutifnya Tan Sri Mohamed Saleh Sulong, Oriental oleh pengerusinya, Datuk Loh Cheng Ean, dan Honda oleh presiden dan ketua pegawai eksekutifnya, Hiroyuki Yoshino.

Pengeluaran kereta Honda akan berlaku di kilang yang akan ditentukan dan akan diperlengkapkan dengan sistem pengeluaran fleksibel berkelas dunia Honda bagi memaksimumkan kecekapan.

Sementara itu, satu kajian untuk menggunakan Oriental Assemblers Sdn Bhd sebagai pembekal komponen utama kepada DRB-Oriental Honda Sdn Bhd, akan dikendalikan.

Turut diikat di bawah MoA itua ialah perhubungan jangka panjang Oriental Holdings dengan Honda.

Selain daripada kepentingan ekuitinya di dalam syarikat usaha sama baru itu, syarikat berkaitannya, Kah Motor Co Sdn Bhd, akan terus menjual runcit kereta-kereta Honda melalui rangkaian pengedarnya yang sedia ada.

Berucap pada upacara menanda tangani itu, pengerusi DRB-HICOM Mohd Saleh Sulong berkata, "Kami kagum dengan prospek usah baru ini kerana ia menawarkan pemindahan teknologi kepada Malaysia daripada salah satu daripada pengeluar automotif terkemuka dunia."

"Kewibawaan Honda dalam kecemerlangan kejuruteraan dan sistem pengeluaran yang amat diperakui akan memberi manfaat yang amat besar kepada Malaysia dan bersamaannya dengannya, kami percaya bahawa pengalaman kami dalam pengeluaran dan pengedaran automobil di bahagian dunia sebelah sini sebaliknya akan memberi manfaat kepada rakan-rakan kongsi kami," katanya.

Perkongsian bijak di kalangan DRB HICOM, Oriental dan Honda pastinya akan mempertingkatkan peluang-peluang bagi vendor-vendor automotif Malaysia, daripada segi lebih banyak jumlah dagangan dan ia memberi manfaat daripada kepakaran teknikal yang akan diperolehi.

Mohd Saleh juga berkata usaha sama baru itu adalah sejajar dengan strategi keseluruhan DRB HICOM untuk mengekalkan kedudukan petingnya di alam industri automotif Malaysia.

Yoshino daripada Honda Motor Co berkata keputusan Honda membuat pelaburan yang besar di dalam industri automobil di Malaysia dan Asean secara keseluruhannya adalah satu gambaran kekuatan ekonomi di rantau ini dan pentingnya Honda terbabit dalam menyediakan bagi liberalisasi pasaran

AFTA.

"Kita hendaklah mengguna pakai strategi bukan sahaja bagi setiap negara individu tetapi juga mengambil pertimbangan dalam semua aspek perniagaan sekiranya kami mahu mempertingkatkan kewujudan kita di dalam seluruh pasaran Asean dan mengekalkan matlamat korporat kami menjadi pengeluar automobil paling berorientasi pelanggan di dunia," katanya.

Loh mewakili Oriental Holding turut mengalu-alukan usaha sama itu sebagai pelaburan jangka panjang, berfaedah daripada segi strategi bagi para pemegang saham Oriental Holdings.

"Pemeteraian MoA ini menyambut perpaduan baru dengan Honda Motor Co dan memperakui sepenuhnya perhubungan kukuh kami selama 33 tahun," katanya.

Di sebalik cuma menumpukan kepada pasaran tempatan sebagai pengedar, Oriental Holdings kini mempunyai peluang untuk menjadi rakan kongsi dalam syarikat pengeluaran yang mampu bersaing di dalam pasaran Asean, tambah beliau.

Liberalisasi pasaran akan datang dan kuasa globalisasi yang amat kompetitif bermakna bahawa hanya pengeluar-pengeluar paling berorientasi pelanggan dengan daya saing antarabangsa akan terus hidup, kata Loh.

Mohd Saleh berkata penggabungan itu bukanlah baru kerana ketiga-tiga pihak bukan lagi asing antara satu sama lain dalam pengeluaran enjin.

Ketiga-tiga pihak itu telah bekerjasama selama 15 tahun lalu dalam mengeluarkan enjin untuk motosikal Honda di Sungai Petani, Kedah.

Di samping itu, katanya DRB-HICOM juga mempunyai perhubungan berterusan dengan syarikat-syarikat di dalam Oriental Holdings Group bagi pengeluaran alat-alat dan komponen-komponen kereta.

Mohd Saleh berkata perkongsian di kalangan ketiga-tiga pihak itu disahkan melalui MOA itu akan memperkukuhkan lagi dan mengikat aktiviti mereka dan juga mempertingkatkan sinergi mereka yang dibangunkan dalam 15 tahun lalu.

MoA itu juga mempertingkatkan pembabitan DRB-HICOM sebagai peserta utama automotif berikutan ia dipilih oleh Honda Motor, pengeluar enjin terbesar dunia dan sebagai rakan kongsi di dalam usaha yang berpotensi besar itu.

Yoshino berkata Honda akan memperoleh keuntungan oleh peluang-peluang yang mungkin diperolehi daripada MoA itu dan potensi perkongsian usaha sama baru di Malaysia.

Pada persidangan akhbar kemudian, Mohd Saleh berkata rakan-rakan kongsi usaha sama itu belum lagi menentukan pelaburan yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah kilang untuk memasang kenderaan Honda di bawah badan DRB-Oriental-Honda.

Kajian kemungkinan kini dilaksanakan untuk menentukan keperluan yang dikehendaki bagi pelaburan itu.

Katanya entiti baru itu mempunyai dua pilihan: sama ada menggunakan kilang-kilang sedia ada dimiliki oleh DRB-HICOM atau menubuhkan sebuah kilang yang baru sama sekali.

Bagaimanapun, Mohd Saleh tidak menolak kemungkinan menggunakan kilang DRB di Pekan.

Berdasarkan kepada perancangan awal, kilang itu akan memulakan operasi menjelang awal tahun depan, katanya.

Dr Mahathir, yang turut hadir pada sidang akhbar itu, berkata usaha sama itu menandakan satu pembabitan yang lebih mendalam oleh pembuat-pembuat kereta di dalam pasaran Malaysia, yang dijangka lebih kompetitif daripada sekarang.

Diminta mengulas mengenai laporan akhbar yang NTT membatalkan perundingan untuk membeli kepentingan di dalam Telekom Malaysia, kata beliau: "Saya tidak tahu."

"Saya juga membaca akhbar seperti anda semua," katanya.

Ditanya kenapa DRB-HICOM membuat janji niaga dengan Honda dalam perniagaan automotif setelah mengadakan perbincangan untuk menjual Proton, Mohd Saleh berkata sektor automotif masih merupakan salah satu daripada perniagaan utama kumpulan itu di samping hartanah dan perkhidmatan kewangan.

"Bagaimanapun, pelupusan kepentingan kami di dalam Proton adalah satu pengunduran strategik," katanya tetapi tidak mengulas lanjut.

Dr Mahathir, apabila ditanya kenapa tiada kemajuan kepada perundingan Proton-Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) berkata: "Bila ada perbezaan pandangan, anda terpaksa longgarkan permintaan anda sendiri dan mencapai sedikit persetujuan."

Mohd Saleh, yang turut diminta mengulas mengenai pertikaian Proton-EON, berkata, "Tetapi itu tidak bermakna kami telah meninggalkan perbincangan secara rasmi," katanya.

Yoshino daripada Honda juga berkata Malaysia mungkin menjadi pusat pertama di Asia Tenggara bagi Honda untuk membangunkan automobil kacukan petrol-elektriknya.

-- BERNAMA

RIZ MR/SHY OS